



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

MAJLIS PERAYAAN SONGKRAN PERINGKAT KEBANGSAAN

PUTRAJAYA, 7 April – Kementerian Perpaduan Negara (KPN) dengan kerjasama Persatuan Siam Malaysia akan menganjurkan **Majlis Perayaan Songkran Peringkat Kebangsaan** pada **11-13 April 2025** di **Dewan Songkran, Kampung Tasek, Pengkalan Hulu, Perak Darul Ridzuan**. Majlis akan disempurnakan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara.

Majlis Perayaan Songkran adalah perayaan utama dan penuh bermakna dalam kalendar masyarakat Bumiputera Siam di Malaysia, **menandakan kedatangan tahun baharu dengan penuh kesyukuran dan kegembiraan**. Sambutan ini juga sarat dengan nilai budaya bagi memperkenalkan tradisi, seni, dan budaya etnik minoriti Siam di Malaysia.

YB Datuk Aaron Ago Dagang berkata, “Sambutan Perayaan Songkran ini merupakan **platform penting bagi memperkenalkan adat resam dan budaya masyarakat Siam kepada seluruh rakyat Malaysia**. Perayaan ini **sejajar dengan matlamat Kerajaan MADANI dalam membudayakan perpaduan dan meraikan kepelbagaian kaum, budaya dan agama di Malaysia**”. Tambah beliau lagi, “**perayaan ini dapat mengeratkan hubungan pelbagai etnik di samping memahami dan memperkasa perpaduan masyarakat Malaysia dengan bersama-sama meraikan perayaan dalam suasana harmoni**”.

Program yang berlangsung selama tiga (3) hari ini diserikan dengan pelbagai pengisian menarik seperti **perarakan tradisional Songkran, pameran budaya dan makanan tradisional, pertunjukan kebudayaan (tarian, seni dan muzik), pertandingan permainan tradisional, aktiviti mandi air (*water splashing*) dan aktiviti sosial dan kesenian bersama komuniti**.

KPN ingin mengajak orang ramai terutama di kawasan berhampiran untuk turut serta ke **Majlis Perayaan Songkran Peringkat Kebangsaan pada 11-13 April ini**. Untuk maklumat lanjut mengenai perayaan ini, layari laman sosial rasmi KPN.

Kementerian Perpaduan Negara

7 April 2025

KPN.100-9/1/16 (22)